

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Tuesday, January 5, 2016 8:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: DPP PROTON RAI BARISAN KEPIMPINAN JAWATANKUASA DAN PEMBANGUNAN SISWA (JKPS)



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

5 JANUARI 2016, SELASA | 24 RABIULAWAL 1437H



DPP PROTON: Dewan Penginapan Pelajar Proton telah menganjurkan sebuah majlis malam penghargaan “Jasamu Dikenang” bagi meraikan barisan kepimpinan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) bagi sesi 2014/2015.

Majlis yang diadakan di Darul Aman Golf and Country Resort di Jitra dihadiri seramai 50 orang tetamu termasuk tetamu khas iaitu Timbalan Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Abdul Malek Bin Haji Abdul Karim, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin, Pengerusi Majlis Pengetua Dewan Penginapan Pelajar, Dr. Mohd Azril Bin Ismail dan Pengetua Dewan Penginapan Pelajar Proton, Dr. Mohd Ghozali Bin Hassan.

Majlis malam penghargaan “Jasamu Dikenang” telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sendiri dihadapan 50 orang tetamu yang hadir.

Turut memeriahkan majlis, kehadiran penolong-penolong pengetua kakitangan pejabat DPP Proton serta wakil daripada pelajar antarabangsa yang telah banyak memberi khidmat kepada DPP Proton.

Menurut pengarah program, Noorrazlina Razali, objektif utama Majlis Malam Penghargaan Jasamu Dikenang ini adalah bertujuan untuk menghargai khidmat yang telah dicurahkan oleh barisan kepimpinan DPP Proton sepanjang tahun. “Majlis malam penghargaan sebegini sebenarnya merupakan salah satu cara menunjukkan bahawa segala khidmat yang telah diberikan dihargai dan merapatkan hubungan antara satu sama lain.” ujar beliau.

Tambah beliau, “Harapan saya agar majlis seperti ini akan berterusan setiap tahun demi menghargai jasa dan bakti semua individu yang berusaha untuk menaikkan serta menjaga nama baik DPP Proton.”

Majlis malam penghargaan yang julung kalinya diadakan di luar kawasan Universiti Utara Malaysia memberi peluang kepada semua yang terlibat untuk meraikan bersama.

Majlis berakhir pada pukul 10.15 malam diakhiri dengan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada barisan Kepimpinan Dewan Penginapan Pelajar Proton.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4031

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

